



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- | | | |
|---|---------------------------------------|-------|
| - | Beyblade, fun ball tarikan baharu HTK | 28-29 |
|---|---------------------------------------|-------|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Beyblade, fun ball tarikan baharu HTK
Muka Surat	28-29

PESONA
28 WANITA • KELUARGA • KESIHATAN
Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI
Foto AZLAN HADI ABDU BAKAR

Kuala Lumpur 19/7/19 M/s 28-29.

Beyblade, fun ball tarikan baharu HTK

SETELAH dua bulan monlangs Hari Tanpa Kenderasan (HTK) semasa bulan Ramadan dan Syawal lalu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) meneruskan penganjuran acara itu yang diadakan pada Ahad minggu kedua setiap bulan.

Penganjuran kali ini mendapat sambutan yang lebih meriah dan menggalakkan apabila kira-kira 3,000 pengunjung dan orang ramai hadir di Padang MPAJ Perbandaran Ampang Jaya.

Acara berlangsung dengan aktiviti fizikal seperti berlari, jogging dan berbasikal di Jalan Pandan Utama sepanjang 3

kilometer yang ditutup kepada kendalian pada hari tersebut. Aktiviti fizikal tersebut menggalakkan gaya hidup sihat bagi rakyat.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd. Hamid Hussain berkata, MPAJ memperkenalkan beberapa program baharu pada edisi kali ini setelah dua tahun pengajuran HTK iaitu pertandingan Beyblade dan pertandingan tutusal fun ball.

Beyblade
"Selain daripada pengisian dan aktiviti riadah lain, kita melihat kepada trend terkini yang menarik minat orang ramai dan memperkenalkan pertandingan Beyblade yang

KANDID

AKTIVITI mewarna dianjurkan kepada masyarakat umum bertujuan untuk merangsang minat dan kepentingan pelajar dalam mencapai hasil akademik yang baik.

FUN Ball yang diadakan untuk kanak-kanak prasekolah merupakan program baharu.

MPAJ peka dengan perkembangan dan trend terkini dalam kalangan orang ramai dengan menganjurkan pertandingan Beyblade untuk kanak-kanak sekolah.





PENGUNJUNG juga berpeluang menunggang kuda pada harga RM25 untuk satu sesi tunggangan.

menjadi kegilaan bukan sahaja anak-anak tetapi orang dewasa dan ibu bapa.

"Pertandingan berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan apabila menerima lebih 200 penyertaan dalam kalangan kanak-kanak, sekali gus menarik ramai pengunjung ke acara itu," katanya kepada *Pesona* baru-baru ini.

Ujarnya, pertandingan futsal fun ball pula dibuka kepada kanak-kanak prasekolah bagi menyediakan aktiviti kepada golongan itu.

"Kita mahu HTK sesuai bukan sahaja untuk orang dewasa, tetapi semua peringkat umur termasuk kanak-kanak dan remaja.

"MPAJ berharap satu hari kelak kanak-kanak tersebut mengingati tempat dan acara yang kami anjurkan seterusnya menerapkan aktiviti sihat dalam rutin hujung minggu



NORHANA



IMRAN

mereka" tambahnya.

Tarikan dan aktiviti lain termasuklah zumba, tanam pokok, zoo mini dan menunggang kuda.

Bercakap mengenai perancangan pada masa akan datang, Abd. Hamid menyatakan, pihaknya mengalukan kerjasama kepada mana-mana pihak yang ingin menjayakan program bersama semasa HTK itu.

Katanya, program itu antara lain bertujuan membantu sasarannya MPAJ untuk menjadi bandar rendah karbon.

Sementara itu, seorang pengunjung, Norhana Kempol, 47, berkata, pertandingan Beyblade itu menarik minat anaknya untuk sama-sama memeriahkan HTK.

"Kebiasaannya saya hadir untuk aktiviti zumba tetapi kali ini fokus aktivitinya adalah pada anak.

"Tidak dinafikan pertandingan Beyblade menarik perhatian ramai kanak-kanak," ujarnya yang bekerja sebagai penjawat awam.

Menurut Norhana, anaknya sering mencari peluang untuk menyertai mana-mana pertandingan Beyblade.

Masa berkualiti

Seorang lagi pengunjung, Imran Amal, 30, memberitahu, program tersebut memberi peluang kepadanya untuk meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarganya.

"Saya membawa anak yang berusia lima tahun menyertai pertandingan mewarna. Aktiviti seperti itu dapat memberi pendedahan kepada kanak-kanak mengenai komuniti di sekelling mereka, di samping memberi pengalaman baharu," ujarnya.

Jalan Pandan Utama ditutup bermula pukul 6.40 pagi hingga 10 pagi bagi memberi laluan kepada aktiviti sepanjang program berkenaan.



KTIVITI zumba diadakan untuk remaja dan orang awasa.



KANAK-KANAK ditemani ibu bapa mereka menonton pertandingan Beyblade.